

25 FEB 2001

BFA-Ajit

KEANGGOTAAN DALAM BOAO FORUM FOR ASIA TERBUKA KEPADA SEMUA SYARIKAT

Oleh: Yong Soo Heong

BOAO (Hainan), 25 Feb (Bernama) -- Keanggotaan dalam Boao Forum for Asia (BFA) terbuka kepada mana-mana syarikat di dunia asalkan mereka mempunyai kepentingan di Asia, kata Setiausaha Agung jawatankuasa sementara BFA Tan Sri Ajit Singh.

Oleh kerana BFA adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan dan bukan politik, ia terbuka kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk menggalakkan lebih banyak perdagangan dan pelaburan di rantau ini, katanya pada taklimat di sini hari ini.

"Mereka boleh terletak di mana-mana sahaja, sama ada di Eropah, Amerika Utara atau Amerika Latin asalkan mereka mempunyai kepentingan di Asia," katanya.

Peserta dari 25 negara Asia termasuk Malaysia akan menghadiri BFA yang akan bermula esok dengan Ajit akan secara rasminya dilantik sebagai Setiausaha Agung.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama pada majlis pelancaran BFA pada Selasa.

Ajit berkata Dr Mahathir dipilih untuk menyampaikan ucapan utama itu sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai reputasi sebagai "Suara Asia", terutama dalam memperjuangkan keadilan bagi negara-negara Asia Timur.

Mengenai penubuhan BFA, beliau berkata idea itu dikemukakan oleh beberapa bekas pemimpin Asia semasa mereka bermesyuarat pada 1998.

Mereka berpendapat bahawa sebuah badan Asia perlu ditubuhkan bagi menyediakan lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan serta kerjasama.

Kerajaan China pada ketika itu memberikan sokongan penuh dengan menyediakan sekretariat tetap di Boao, pulau Hainan, katanya.

Ajit berpendapat bahawa Boao, terletak di bahagian paling selatan China, dipilih kerana Kerajaan China mahu menunjukkan bahawa ia tidak mahu dilihat sebagai "mendominasi" forum itu dan lokasinya juga dekat dengan banyak negara Asia Tenggara.

Beliau juga mendedahkan mengenai cadangan penubuhan sebuah institut penyelidikan di bawah naungan BFA yang tidak akan berfungsi sebagai sebuah universiti tetapi lebih sebagai sebuah badan penyelidikan bagi isu-isu perdagangan dan ekonomi semasa.

Ajit menegaskan bahawa tumpuan BFA ialah menggalakkan lebih banyak saling bergantung dalam bidang ekonomi di kalangan negara-negara Asia melalui pertukaran idea di antara para pemimpin, pemimpin perniagaan dan ahli akademik.

-- BERNAMA

SHY AT RHM